

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

SBU202 - Sejarah Sosial Malaysia

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Jawab **TIGA** soalan, setiap satu dari tiap-tiap bahagian. **SOALAN SATU** dalam Bahagian A **WAJIB** dijawab. Pilih **SATU** soalan dari Bahagian B dan **SATU** soalan dari Bahagian C.

Bahagian A (40 markah)

(Soalan ini adalah **WAJIB**)

1. Apakah isu-isu penting dalam persoalan mengenai Sejarah Sosial Malaysia. Adakah orientalisme sebahagian dari masalah itu. Nyatakan sumbangan ahli-ahli sosiologi dan pengkaji pembangunan terhadap pembaikan-pembaikan dalam ilmu sejarah. Jelaskan sekurang-kurangnya tiga konsep utama. Jangan lupa menyebut tokoh-tokoh yang terlibat.

Di mana letak kekuatannya bila sosiologi dan sejarah diperkawinkan dan apa pula manfaat ahli-ahli pengkaji pembangunan. Beri contoh-contoh yang konkret dari persejarahan Malaysia.

Bahagian B (30 markah)

(Jawab **SATU** soalan sahaja)

2. Huraikan kesatuan Dunia Melayu dari zaman pra-sejarah hingga ke zaman Melaka. Dapatkah kita lihat unsur-unsur ini dalam masyarakat Melayu semenanjung masakini.

Kenapa pengetahuan mengenai zaman ini penting dalam persoalan pembangunan seratus tahun yang lepas.

...2/-

(SBU 202)

3. Kemunculan kapitalisme dan hubungannya dengan kolonialisme mendapat perhatian Robert Bach, P.L. Burns dan Jomo Sundaram. Apakah perspektif-perspektif mereka dan bandingkan dengan perspektif yang diambil oleh kursus.

Jelaskan implikasi kolonialisme yang sebenarnya dengan memilih SATU dari sektor berikut sebagai contoh; kaum tani, buruh lombong, buruh ladang (plantation) dan masyarakat saudagar.

4. Mengikut Shaharuddin Maaruf pemikiran mengenai kapitalisme sudah lama bertapak di Semenanjung. Siapakah tokoh-tokohnya dan apakah aliran-aliran pemikiran yang telah muncul dengan menghuraikan andaian-andaian utama Shaharuddin Maaruf.

Sesuaikah pandangan beliau mengenai masyarakat Melayu kalau dibanding dengan kenyataan-kenyataan sejarah dan kemasyarakatan abad 16, 17 dan 18. Jawapan anda mesti mengandungi contoh-contoh konkret dari satu daerah di dunia Melayu.

**Bahagian C** (30 markah)

(Jawab SATU soalan sahaja)

5. Bagaimanakah konsep 'negara' telah digunakan dalam pembicaraan mengenai perkembangan masyarakat Semenanjung dan dunia Melayu. Nyatakan ahli-ahli teori yang utama mengenai persoalan ini.

Huraikan dengan contoh-contoh yang konkret kesan-kesan penggunaan konsep ini selepas Perang Dunia Kedua ke atas masyarakat Semenanjung terutama mengenai masalah perancangan, kaum tani dan pertumbuhan partai-partai politik.

6. Analisis kelas sosial merupakan konsep asas dalam analisis semula sejarah sosial Malaysia. Beri pandangan anda mengenai persoalan ini dengan menghuraikan sumbangan tokoh-tokoh utama yang anda telah baca.

Huraikan pembentukan kelas sosial sejak awal abad kesembilan belas hingga ke tahun-tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sejauhmanakah penentangan kelas telah menentukan corak pembangunan sosial selepas Perang Dunia Kedua. Sekurang-kurangnya dua aspek pembangunan sosial mesti dihuraikan sebagai contoh.

(SBU 202)

7. Samada Malaysia mengalami 'pertumbuhan', atau 'pembangunan kemunduran' selepas 1945, sudah menjadi debat yang hangat dalam dasarwarsa tujuhpuluhan dan lapanpuluhan. Bandingangkan pandangan-pandangan mengenai persoalan ini di antara pendapat-pendapat Jomo Sundaram, M. Khor Kok Peng, Shamsul Amri Baharuddin dan Hashim Hussin Yaacob.

Sejauhmanakah pemikir-pemikir Dasar Ekonomi Baru seperti Mahathir Mohammad, pengarang-pengarang Revolusi Mental dan Malik Munip menepati kenyataan debat-debat di atas.

Di mana letaknya pemikiran Shaharuddin Maaruf dalam dua aliran utama di atas.

Berjayakah Dasar Ekonomi Baru dalam pemupukan kapitalisme di kalangan masyarakat bumiputera.

- oo oo oo -